

'Jangan berkempen jatuhkan maruah, fitnah'

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Julai 9, 2023 @ 5:49pm

bhnews@bh.com.my



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang melawat gerai pameran selepas merasmikan Program Ini Warisan Kita, di Putrajaya. NSTP/Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Kementerian Perpaduan Negara menasihatkan semua pihak termasuk penyokong parti politik dan masyarakat supaya menghindari kempen yang boleh membawa kepada unsur perpecahan menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) di enam negeri.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata aspek berkenaan perlu dititik beratkan terutamanya ketika tempoh berkempen yang akan berlangsung selama dua minggu.

"DUN (Dewan Undangan Negeri) sudah pun dibubar dan tarikh pencalonan dan PRN sudah diketahui semua, ini adalah masanya untuk parti-parti yang akan bertanding.

"Dari segi perpaduan kita harus teguhkan, tak bolehlah kita berkempen untuk jatuhkan maruah atau pun memfitnah sesuatu yang akan membawa kepada perpecahan (kaum) dan perpecahan dalam perpaduan, ini sangat penting.

Sempena program selama tiga hari sejak Jumaat lalu itu pengunjung turut didedahkan dengan persembahan kebudayaan berunsurkan silang budaya, selain pameran rumah etnik seperti Chetti, Baba Nyonya, Mah Meri, Siam dan Portugis yang menampilkan pengisian seni tari, busana, kraf tangan serta makanan tradisi.